



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA:

**DR GHAZALI BIN LATEH MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI
SEORANG PENSYARAH YANG BERPENGALAMAN LUAS DALAM BIDANG
PENULISAN DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH:

**MUHAMMAD HAZIM BIN MUHIDIN
MUHAMMAD AKIF BIN AIRULANUAR**

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
JOHOR KAMPUS SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – ORAL DOCUMENTATION**

SEMESTER 5 (MAC – JUN 2014)

Isi kandungan

<u>No.</u>	<u>Topik</u>	<u>M/S</u>
1	Penghargaan	1
2	Abstrak	2
3	Singkatan	3
4	Biodata Penulis	4
5	Pengenalan	6
6	Transkrip Wawancara	*8-69
7	Log Wawancara	70-74
8	Kronologi (Diari)	74-77
9	Biodata Tokoh	78
10	Senarai Soalan Wawancara	79
11	Ralat	89
12	Rumusan	90
12	Senarai Rujukan	91
13	Lampiran	92-96
14	Indeks	97-102

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Terlebih dahulu, kami ingin mengucapkan syukur yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t yang telah memberikan rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami dan dengan izin-Nya juga kami dapat menyiapkan tugas berkenaan penulisan transkrip untuk subjek IMR 604 - Dokumentasi Sejarah Lisan yang diberikan ini dengan jayanya pada waktu yang ditetapkan. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah subjek IMR 604 - Dokumentasi Sejarah Lisan, iaitu Encik Mohd faizal bin Mohd Ramsi yang begitu sabar mengajar kami sepanjang semester lima ini. Beliau telah memberikan banyak tunjuk ajar, galakan dan maklumat kepada kami bagi menyiapkan tugas ini. Tidak dilupa juga, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami yang disayangi yang telah banyak memberikan sokongan moral, dorongan dan nasihat yang tidak putus-putus dari jauh. Setinggi-tinggi penghargaan ingin kami tujukan kepada Encik Ghazali Bin Lateh yang menjadi pengkisah dalam penulisan transkrip kami ini. Beliau telah memberikan banyak maklumat dan kerjasama yang begitu baik sekali kepada kami semasa temuduga sekaligus memenuhi keperluan subjek ini. Sesungguhnya kami sangat menghargai jasa beliau dalam membantu kami. Akhir sekali, sekali lagi kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah, rakan-rakan dan semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu kami. Allah sahaja yang dapat membalas jasa anda sekalian.

1.0 Abstrak

***Abstrak:** Transkrip ini mengandungi temubual bersama-sama Dr Ghazali bin Lateh mengenai kerjaya dan sumbangan beliau kepada negara. Beliau telah lama berkecimpung di dalam bidang pendidikan dan banyak memberikan sumbangan kepada negara. Transkrip temubual ini juga mengandungi tiga sesi iaitu soalan mengenai latar belakang hidup beliau, soalan mengenai pendidikan awal sehingga kini dan soalan mengenai sumbangan beliau kepada negara serta anugerah yang diterima semasa beliau berkhidmat di dalam bidang pendidikan ini. Temubual ini telah diadakan pada jam 12 tengahari pada 28 Mei 201. Lokasi temubual kami bertempat di Universiti Putra Malaysia [UPM] Sri Serdang, 43400 Selangor Darul Ihsan di dalam bilik Dr Ghazali. Temubual ini dijalankan dalam tempoh 3 jam. Temubual yang dijalankan menceritakan tentang kisah dan latar belakang individu ditemubual oleh kami. Tambahan pula, beliau juga telah menerangkan tentang pengalaman yang beliau lalui sebelum bergelar seorang pendidik, semasa berkhidmat sebagai Guru dan pensyarah. Selain itu, beliau juga turut menceritakan bagaimana beliau meneruskan bidang pendidikan ini di dalam negara dan menaikkan lagi taraf Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di dalam Malaysia.*

(Kata Kunci : Pendidikan, Penulisan , Latar belakang , sumbangan)

2.0 Singkatan

Terdapat singkatan perkataan sepanjang sesi temubual yang dijalankan bersama Dr Ghazali Bin lateh. Antaranya adalah :

CEO	Chief Executif Officer
ICT	Information Communication Technology
IPTA	Insititut Pengajian Tinggi Awam
IT	Information Technology
PBS	Penilaian Berasaskan Sekolah
PHD	Philosophy Doctor
PBMP	Persatuan Bahasa Melayu Pelapis
SCL	Student Centered Learning
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SOAS	School of – Asian study
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia
TV	Television
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris